



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(6)

13 OKTOBER 2011

SURAT PEKELILING AKADEMIK BIL. 1/2011

PENANGGUHAN KULIAH/ KELAS YANG MELIBATKAN MAHASISWA INDIA SEMPENA CUTI HARI DEEPAVALI

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Akademik ini bertujuan melaksanakan keputusan Mesyuarat Senat Bil. 51 berkenaan penangguhan kuliah/ kelas yang melibatkan Mahasiswa India pada 25 dan 27 Oktober 2011.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia melalui surat bertarikh 15 September 2011 dengan nombor rujukan JPT(G)1000/013/02 Jld. 17 (12) telah memohon setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mempertimbangkan cuti dari 25 hingga 28 Oktober 2011 (Selasa hingga Jumaat) kepada Mahasiswa India.

3. Pekeliling Akademik Bil. 2/2011 telah dikeluarkan pada 3 Oktober 2011 berkaitan permohonan daripada Jabatan Pengajian Tinggi tersebut.

4. Bagi mengelakkan Mahasiswa India tertinggal pengajian akibat pelaksanaan Pekeliling Akademik Bil. 2/2011 tersebut, Senat Universiti Malaysia Kelantan melalui Mesyuarat Bil. 51 yang diadakan pada 9 Oktober 2011 telah memutuskan bahawa kuliah/ kelas yang melibatkan Mahasiswa India pada 25 dan 27 Oktober 2011 ditangguhkan dan perlu diganti semula.

PELAKSANAAN

5. Semua pensyarah dan guru bahasa yang terlibat dengan pengajaran Mahasiswa India perlu menangguhkan kuliah pada 25 dan 27 Oktober 2011 dan perlu menggantikan semula kelas tersebut.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



PROF. DR. IBRAHIM CHE OMAR

Yang Menjalankan Tugas

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Naib Canselor

YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar

Semua Dekan/ Pengarah Pusat/ Ketua Jabatan/ Bahagian

Edaran